

## **PERJANJIAN SULH DI ANTARA PIHAK-PIHAK BERTIKAI DI MAHKAMAH SYARIAH SEBAGAI PILIHAN ATAU PERSETUJUAN YANG PERLU DIPATUHI?**

Hammad Mohamad Dahalan  
Pensyarah Fakulti Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.  
Email: hammad@kuis.edu.my

Mohamad Azhan Yahya  
Pensyarah Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
Email: azhan@ukm.edu.my

### **Abstrak**

*Masyarakat kini sudah mula beralih arah daripada proses litigasi kepada proses Sulh di mahkamah syariah dalam mencapai persetujuan terhadap permasalahan yang mereka hadapi berhubung isu-isu selepas perceraian. Namun terdapat kes-kes yang dibawa ke peringkat Sulh ini dianggap gagal dan seterusnya diperintahkan untuk melalui proses perbicaraan berikutan terdapat salah satu pihak yang tidak melaksanakan persetujuan yang telah dicapai oleh mereka dalam proses Sulh. Oleh itu, artikel ini membincangkan sejauhmanakah perjanjian Sulh yang telah dipersetujui di antara pihak-pihak bertikai di Mahkamah Syariah ini perlu dipatuhi, atau sekadar sebagai pilihan sahaja?. Kajian artikel ini merupakan suatu kajian kualitatif di mana menggunakan pendekatan kaedah kajian perpustakaan, menganalisis secara kritis dan kandungan dan temubual para pengamal undang-undang Syariah yang terlibat dengan proses Sulh di Mahkamah Syariah. Artikel ini mengupas pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah dan seterusnya mengenal pasti kelompongan yang ada di dalam pelaksanaan tersebut. Di akhir perbincangan, artikel ini akan mencadangkan beberapa cadangan terhadap permasalahan yang timbul agar proses Sulh ini dapat berjalan mengikut objektif pelaksanaan Sulh itu sendiri. Dapatan awal artikel ini mendapati bahawa pihak-pihak bertikai boleh untuk tidak mematuhi perjanjian yang telah dicapai setelah perjanjian tersebut dipersetujui secara sukarela.*

**Kata Kunci:** Perjanjian, Sulh, Mengikat, Pilihan, Sukarela

### **1. Pengenalan**

Islam menyeru penganutnya agar sentiasa menyelesaikan sebarang pertikaian melalui perbincangan. Seruan mengadakan perbincangan ini bertujuan mendidik pihak-pihak dalam pertikaian agar bersikap sabar, bertolak ansur dan mementingkan penyelesaian yang berasaskan kepada kepentingan bersama berbanding kepentingan persendirian. Justeru itu, Mahkamah Syariah telah mengambil pendekatan untuk melaksanakan proses *Sulh* bagi membantu pihak-pihak yang bertikai agar dapat menyelesaikan pertikaian mereka dalam tempoh masa yang singkat dan tidak perlu mengeluarkan belanja yang tinggi. Malahan proses *Sulh* ini telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada masyarakat dan telah mula dijalankan di seluruh Mahkamah Syariah di Malaysia. Mengikut sejarah, Kaedah *Sulh* mula diperkenalkan di negeri Selangor iaitu pada tahun 2001. Berdasarkan laporan kes *Sulh* yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu pada tahun 2014 menunjukkan terdapat peningkatan kes yang didaftarkan dan diselesaikan setiap bulan seperti pada bulan Januari 2014 sebanyak 39.78%, bulan Februari 54.70%, bulan Mac 58.88 % (*Laporan Bulanan Ke Sulh Terengganu, 2014*).

Proses Sulh di Mahkamah Syariah menjadi pilihan masyarakat sebagai mekanisme terbaik bagi mereka untuk menangani permasalahan berkaitan hak-hak selepas perceraian. Antara hak-hak selepas perceraian yang mengambil pendekatan Sulh adalah seperti mut'ah, nafkah iddah, nafkah tertunggak, harta sepencarian, hutang mas kahwin, hak jagaan anak dan

tuntutan nafkah anak (*Hammad,2014*). Hak-hak ini dibawa ke dalam Majlis Sulh untuk melalui proses perbincangan di antara pihak-pihak yang bertikai yang dipimpin oleh pegawai Sulh sebagai pemudah cara atau mediator. Secara amnya, proses *Sulh* adalah berbeza dengan perbicaraan di dalam mahkamah kerana proses *sulh* dilakukan di luar mahkamah dan pihak-pihak yang terlibat hanyalah melibatkan Pegawai *Sulh* (sebagai pihak tengah) dan mereka yang bertikai.

Walaubagaimanapun, selain daripada menggalakkan rundingan secara terpinpin ini di Mahkamah Syariah, pihak-pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam, Jabatan Kehakiman dan Majlis Agama Islam perlu memperhalusi aspek perjalanan proses Sulh tersebut dalam proses pegesahan perjanjian yang telah dimeterai. Kesannya aspek ini perlu diperkemas demi keadilan agar tiada pihak yang terlibat dalam proses Sulh ini bertindak menarik balik persetujuan setelah ditandatangani sebelum disahkan oleh hakim bagi mengelakkan proses Sulh ini dipertikaikan keberkesannya oleh masyarakat. Sungguhpun terdapat peruntukan dan prosedur yang diperuntukkan berkaitan proses Sulh namun tiada perincian yang jelas dimasukkan berhubung isu sukarela di dalam proses tersebut yang menjadi perkaitan alasan utama dalam memberi ruang kepada salah satu pihak untuk membatalkan pemeteraian persetujuan sebelum pengesahan di mahkamah. Keadaan ini berdasarkan kepada permasalahan yang timbul akibat pembatalan persetujuan oleh salah satu pihak setelah persetujuan di dalam sesuatu perkara yang dibangkit dicapai secara bersama.

Namun, soal persetujuan dan perjanjian di dalam proses Sulh ini tidak boleh diambil secara sambil lewa kerana boleh membabitkan kelewatan terhadap sebarang tuntutan yang penting seperti nafkah anak yang mengakibatkan tiada perintah utama yang boleh dijadikan asas kepada anak tersebut dalam memperolehi nafkah yang sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab dan seterusnya pengabaian ini menyebabkan timbul permasalahan lain seperti gejala social akibat kekurangan wang untuk digunakan sebagai belanja harian yang membawa anak tersebut terlibat dengan aktiviti haram dan tidak berfaedah.. Oleh itu, artikel ini membincangkan mengenai sejauhmana perjanjian persetujuan di dalam Sulh perlu dipatuhi.

## **2. Objektif dan Metodologi Kajian**

Objektif kajian ini terdiri daripada tiga tujuan yang utama. Pertama, untuk mengkaji pelaksanaan perjanjian persetujuan antara pihak-pihak bertikai di dalam proses Sulh di Mahkamah Syariah. Kedua, mengenal pasti lompong atau kekurangan yang terdapat dalam pelaksanaan terbabit. Ketiga, untuk mencadangkan satu penyelesaian dalam menangani kekurangan atau lompong yang ada di dalam pelaksanaan tersebut. Dapatan awal artikel ini mendapati bahawa prosedur menetapkan perjanjian yang telah ditandatangani ini tidak akan mengikat pihak-pihak kecuali selepas mahkamah mengeluarkan suatu perintah penghakiman berasaskan persetujuan. Peraturan ini jelas menunjukkan adanya ruang pihak-pihak untuk menarik balik persetujuan setelah ditandatangani tetapi belum disahkan oleh hakim. Hal ini berlaku akibat tiada perincian yang jelas dan penguatkuasaan terhadap isu sukarela yang dijadikan asas utama sebelum memulakan proses Sulh ini.

Artikel ini mengambil beberapa metodologi penyelidikan dengan penuh berhati-hati dan secara teratur. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan merupakan satu kajian perundangan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dan kritis, kajian perpustakaan dan temubual. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul dan mengenal pasti bahan bacaan yang berkaitan dengan isu yang diketengahkan di dalam artikel ini seperti

jurnal, artikel, kertas prosiding, buku-buku, manual proses Sulh dan kitab-kitab dalam Bahasa Arab. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti data-data berkaitan pelaksanaan proses Sulh dan perjanjian persetujuan secara sukarela di dalam Islam dan peruntukan undang-undang di Malaysia. Data-data yang diperolehi akan dikritis untuk mengemukakan hasil dapatan kajian. Sebagai tambah nilai kepada kajian ini, kaedah temubual digunakan untuk mendapatkan data-data umum berkaitan proses pelaksanaan Sulh. Oleh itu, temubual ini dibuat terhadap pengamal undang-undang syariah yang pernah terlibat secara langsung di dalam proses Sulh seperti Pegawai Sulh dan Hakim Syarie.

### 3. Sulh dalam Islam

*Sulh* adalah suatu perkara yang telah diterangkan dengan jelas di dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Di dalam al-Quran, Allah S.W.T ada berfirman dengan maksudnya :

*“Dan jika seorang wanita khawatir akan nusyuz atau sikap tidak acuh dari suaminya, Maka tidak Mengapa bagi keduanya mengadakan perdamaian yang sebenar-benarnya, dan perdamaian itu lebih baik (bagi mereka) walaupun manusia itu menurut tabiatnya kikir, dan jika kamu bergaul dengan isterimu secara baik dan memelihara dirimu (dari nusyuz dan sikap tak acuh), Maka Sesungguhnya Allah adalah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan”*

Al-Nisa’ (4): 128

Dan Firman Allah Taala yang lain :

*“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia) memberi sedekah, atau berbuat ma'ruf, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. dan barangsiapa yang berbuat demikian Karena mencari keredhaan Allah, Maka kelak kami memberi kepadanya pahala yang besar.”*

Al-Nisa (4) 114

Khalifah Umar Bin al-Khattab r.a menegaskan bahawa *sulh* adalah diharuskan. Hakam hendaklah memberi peluang kepada pihak-pihak yang bertelagah untuk mengadakan sulh. Walaupun demikian hendaklah difahami bahawa *sulh* tidak boleh dilakukan untuk menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Sebenarnya penyelesaian secara sulh ini wajarlah dilaksanakan kerana ada kalanya keputusan mahkamah walaupun mengikat tetapi ianya tidak dapat memuaskan hati pihak-pihak yang terlibat sedangkan sulh lahir daripada perasaan tolak ansur dan redha meredhai. Para ulamak telah bersepakat bahawa penyelesaian secara *sulh* di antara pihak-pihak yang bertikai adalah tepat kepada keadilan kerana kedua-dua pihak lebih mengetahui daripada apa yang mereka sepatutnya berhak ke atas apa yang didakwa.

Asasnya, selepas pihak-pihak dalam pertikaian memeterai perjanjian sama ada secara lisan atau bertulis berhubung perkara yang menjadi tuntutan di dalam proses Sulh maka perjanjian tersebut telah berkuatkuasa dan tidak ada pihak-pihak yang boleh membatalkan persetujuan yang telah dicapai melainkan kedua-dua pihak yang secara sukarela dan bersetuju untuk membatalkannya (*Raihanah, 2008*). Malahan Islam juga menuntut penganutnya agar sentiasa berpegang kepada janji yang telah dibuat. Tuntutan ini berdasarkan ayat al-quran seperti yang berikut :

*“Dan penuhilah janji; sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya.”*

Al-Isra’: 34.

Dan ayat yang berikut juga merupakan dalil yang menuntut umat Islam berpegang kepada janji,

*“dan penuhilah janji Allah.”*

Al-An’am: 152

dan

*“(yaitu) orang-orang yang memenuhi janji Allah dan tidak merosak perjanjian.”*

Ar-Ra’du: 20)

Oleh itu, artikel ini mendapati bahawa, Islam mengiktiraf perjanjian yang dibuat dan pihak-pihak dituntut untuk mematuhi perjanjian yang telah disepakati antara pihak-pihak walaupun secara lisan.

#### **4. Proses Sulh di Mahkamah Syariah**

Pihak-pihak yang bertikai digalakkan untuk mengambil pendekatan alternatif seperti proses Sulh dalam menangani permasalahan mereka. Namun, mereka berhak untuk menentukan atau memilih bentuk penyelesaian yang mereka inginkan sama ada melalui perbicaraan (litigasi) atau rundingan (proses Sulh). Islam menggariskan antara elemen penting yang perlu ditentukan di dalam rundingan proses Sulh adalah kerelaan. Elemen kerelaan ini penting ditonjolkan agar pihak-pihak di dalam proses sulh hadir dan mencapai persetujuan terhadap tuntutan isu secara sukarela dan tidak dipaksa oleh mana-mana pihak (*Mohd Fuad 2006, Hammad, Azhan 2016*). Malah, peraturan di dalam Islam mensyaratkan setiap akad (perjanjian) yang dicapai di antara pihak-pihak terbabit hendaklah dibuat secara sukarela dan jika berlaku sebaliknya, perjanjian tersebut boleh dibatalkan dan tidak mengikat ke atas pihak yang lagi satu.

Secara umum, sebelum sesuatu kes dimulakan dengan perbicaraan, pihak-pihak perlu untuk memasuki proses Sulh. Walaupun begitu, proses Sulh ini dikecualikan ke atas kes tuntutan perceraian secara baik atau bersama di bawah Seksyen 47 dan seksyen 45 Akta Undang-undang Keluarga Islam (selepas ini disebut sebagai AUKI). Dengan kata lain, proses Sulh ini diadakan sebelum proses perbicaraan dengan bertujuan memastikan bahawa telah ada usaha-usaha yang sepatutnya diambil untuk menyelesaikan pertikaian dan seterusnya mempercepatkan proses penyelesaian kes (*Raihanah, 2006*).

Proses Sulh dimulakan dengan notis hadir diberikan kepada pihak-pihak terbabit untuk hadir ke mahkamah dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Penetapan tarikh ada dinyatakan di dalam Kaedah 3 Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor (selepas ini disebut sebagai KTMS) seperti berikut :

*Jika selepas menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kuasa tindakan, Pendaftar berpendapat bahawa ada kemungkinan yang munasabah bagi penyelesaian antara pihak-pihak kepada tindakan itu, Pendaftar hendaklah—*

- (a) tidak menetapkan tarikh perbicaraan tindakan itu dalam tempoh tiga bulan;*
- (b) dengan seberapa segera yang praktik menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan sulh; dan*
- (c) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu.*

Walaupun bagaimanapun, pihak-pihak boleh untuk menentukan tarikh yang sesuai untuk mengadakan sulh, namun pendaftar mahkamah perlu memberi perhatian kepada piagam mahkamah yang menjanjikan setiap permohonan akan disebut selepas 21 hari kes didaftarkan. Ini bermakna, tempoh ideal bagi kehadiran ke majlis sulh perlu diadakan dalam tempoh dua minggu selepas kes didaftarkan. Selepas menerima notis untuk hadir, pihak-pihak akan melalui dua peringkat yang utama di dalam proses Sulh, pertama, peringkat perundingan dan perbincangan, manakala peringkat kedua adalah untuk menandatangani perjanjian.

Sekiranya, pihak-pihak enggan atau gagal untuk hadir ke majlis Sulh selepas tiga kali notis dikeluarkan oleh mahkamah pada tarikh dan masa yang dinyatakan di dalam notis kehadiran, ketidakhadiran pihak-pihak tersebut dianggap sebagai satu perbuatan penghinaan ke atas mahkamah. Sungguhpun begitu, tidak terdapat sebarang tindakan yang dikenakan ke atas pihak yang melanggar peraturan tersebut kerana mahkamah berpendapat bahawa pihak-pihak masih lagi tidak bersedia untuk memasuki proses Sulh dan mahkamah mengambil terima prinsip kerelaan dalam sulh, justeru paksaan untuk hadir ke proses sulh ini tidak dibuat walaupun terdapat peruntukan yang jelas menyebut berhubung hal ini di dalam kaedah 4 KTM (S) seperti berikut :

*Jika ada mana-mana pihak telah disampaikan notis di bawah perenggan 3(c) tidak hadir pada hari yang ditetapkan, ketidakhadiran itu hendaklah menjadi suatu penghinaan Mahkamah dan Bahagian XXX Enakmen hendaklah terpakai kepadanya.*

Namun begitu, sekiranya pihak-pihak hadir ke Majlis Sulh dan mengikuti setiap proses di dalam majlis tersebut, maka satu persetujuan akan dicapai sama ada persetujuan itu mampu menyelesaikan secara sepenuhnya pertikaian atau sebahagian sahaja persetujuan dipersetujui, persetujuan itu akan didrafkan oleh Pegawai Sulh atau peguam untuk ditandatangani dan seterusnya dibawa ke hadapan hakim untuk disahkan dan dijadikan sebagai perintah yang mengikat kedua-dua belah pihak untuk melaksanakan persetujuan yang dicapai.

Berdasarkan Kaedah 6 KTM(S), berhubung penghakiman atau persetujuan seperti di bawah:

*Jika kedua-dua telah mencapai persetujuan untuk menyelesaikan tindakan itu, keseluruhan atau sebahagian, Pengerusi hendaklah menyediakan draf persetujuan dan mengemukakan kepada pihak-pihak untuk disahkan dan ditandatangani dan, selepas itu Pengerusi hendaklah menyampaikan draf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai penghakiman atau pengakuan atau persetujuan, mengikut mana yang berkenaan di bawah seksyen 88 Enakmen*

Artikel ini mendapati perjanjian persetujuan yang dicapai pihak-pihak dalam rundingan masih lagi tidak mengikat pelaksanaannya terhadap pihak-pihak terbabit walaupun persetujuan itu dibuat secara bertulis dan telah ditandatangani. Perjanjian yang dipersetujui itu hanya mengikat pihak-pihak terbabit setelah hakim mengesahkannya di mahkamah sebagai perintah. Penghakiman yang dibuat ke atas persetujuan ini tidak boleh diketepikan atas permohonan satu pihak dan catatan penyelesaian secara sulh ini menjadi pembelaan *res judicata* di dalam prosiding seterusnya.

## **5. Perjanjian Sulh Di Antara Pihak-Pihak: Permasalahan Dan Hasil Dapatan Kajian**

Artikel ini mengkaji tiga objektif utama iaitu berkaitan pelaksanaan perjanjian persetujuan di dalam proses Sulh di mahkamah Syariah, kedua mengkaji lompong dan kekurangan yang ada dalam pelaksanaan terbabit dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan yang perlu ke atas pelaksanaan tersebut. Oleh itu, artikel ini membincangkan mengenai sejauhmana perjanjian sulh di antara pihak-pihak bertikai di mahkamah syariah ini perlu dipatuhi?

Dalam hal ini, kajian ini mengupas berkaitan perjanjian persetujuan yang dibuat oleh pihak-pihak semasa rundingan dijalankan dan masih lagi belum disahkan oleh mahkamah, jadi sejauhmanakah pihak-pihak perlu mematuhi perjanjian yang telah dibuat kerana dari segi amalan di mahkamah syariah, pihak-pihak masih lagi berpeluang dan diberi ruang untuk membatalkan persetujuan yang dicapai secara bersama.

Oleh itu, artikel ini membawa senario yang berlaku di dalam kes mal bil 100005-055-74/2002 yang merupakan satu tuntutan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor, di dalam kes ini pihak-pihak telah bersetuju untuk bercerai dan menyelesaikan hak-hak atau tuntutan selepas perceraian secara rundingan dan kes ini telah dirujuk kepada Majlis Sulh untuk tujuan perundingan penyelesaian. Walaubagaimanapun, selepas sahaja cerai dilafazkan oleh Defendan, kemudian hakim merujuk kepada persetujuan yang telah dicapai sewaktu rundingan di dalam majlis Sulh, Plaintiff pada ketika itu menyatakan penarikan balik terhadap persetujuan yang telah dibuat dan Defendan tetap mengatakan bahawa perjanjian itu adalah sah. Ini menunjukkan bahawa walaupun persetujuan telah dibuat, namun masih ada lagi ruang yang diberikan kepada pihak-pihak untuk membatalkan persetujuan tersebut selagi masih belum disahkan sebagai persetujuan itu sebagai penghakiman.

Sungguhpun begitu, Islam meletakkan tanggungjawab untuk memenuhi perjanjian yang telah dibuat seperti yang dinyatakan di dalam dalil Al-quran dan sunnah nabi. Islam amat menggalakkan penganutnya agar menyediakan satu bentuk perjanjian bertulis supaya boleh menjadi asas panduan yang kuat kepada pihak-pihak terbabit untuk melakukan rujukan semula sekiranya terdapat pelanggaran. Namun perjanjian antara pihak-pihak masih lagi boleh dibatalkan dengan syarat setiap pihak di dalam perjanjian tersebut bersetuju untuk membatalkannya. Walaubagaimanapun, proses Sulh di Malaysia hanya mengiktiraf persetujuan yang dicapai oleh pihak-pihak terbabit sekiranya telah mendapat pengesahan daripada mahkamah. Dengan kata lain, masih lagi terdapat ruang untuk pihak-pihak membatalkan persetujuan yang telah dicapai dan ditandatangani semasa di dalam proses Sulh. Konsep kerelaan yang dipraktikkan di dalam rundingan ini tidak tercapai dengan memberi tafsiran bahawa pihak-pihak boleh untuk menarik balik persetujuan yang telah dicapai. Tafsiran seperti ini didapati bersalahan dengan prinsip agama Islam yang mementingkan penganutnya bertanggungjawab dan memenuhi janji yang telah dibuat. Malahan, sekiranya, pelaksanaan perjanjian tersebut ditarik balik setelah perjanjian dicapai oleh pihak-pihak dalam proses rundingan, membenarkan salah satu pihak menarik balik persetujuan hanya mencerminkan satu perbuatan sia-sia dan amat dilarang oleh syarak, bahkan juga membawa kepada kritikan masyarakat terhadap kegagalan dan ketidakberkesanan proses sulh sebagai mekanisme alternatif yang memudahkan masyarakat menangani permasalahan yang dipertikaikan.

## 6. Kesimpulan

Walaupun persetujuan yang dicapai sewaktu proses rundingan tidak boleh mengikat pihak-pihak kecuali setelah persetujuan itu diberikan pengesahan sebagai perintah oleh mahkamah, namun tidak seharusnya keadaan seperti ini dibenarkan dan memberi ruang kepada pihak-pihak untuk menarik balik persetujuan yang telah dicapai bersama. Akibatnya membawa kepada pertikaian oleh masyarakat terhadap keberkesanan proses rundingan sulh secara khususnya dan secara umumnya terhadap kredibiliti institusi mahkamah syariah. Oleh yang demikian, peruntukan dan perincian yang jelas terhadap definisi kerelaan perlu dimasukkan di dalam Kaedah Tatacara Mal (Sulh) dan Manual Kerja Sulh agar dapat menjadi panduan kepada pihak-pihak terbabit, pegawai Sulh dan Hakim dalam membuat rundingan yang mampu memberi kesan positif dari segi perjalanan prosesnya, kos, pihak-pihak bertikai dan masa.

## Rujukan

- Hammad Mohd Dahalan, Mohamad Azhan Yahya. Kedudukan Pegawai Sulh di Mahkamah Syariah. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016). <http://conference.kuis.edu.my/> (diakses pada 1 November 2016).
- Hammad Mohd Dahalan. Pengurusan Sulh: Peranan, Pelaksanaan Dan Keberkesanannya Oleh Pegawai Sulh. International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014. <http://rmc.kuis.edu.my/> (dikases pada 1 November 2016).
- Hasri Harun, Shofian Hj Ahmad, Ruzian Markom. *Aplikasi Prinsip Khiyar Dalam Jualan Barangan: Kajian Terhadap Akta Kontrak 1950 (Akta 136)* <https://www.academia.edu/> (diakses pada 11 November 2011).
- Hasri Harun, Shofian Hj Ahmad, Ruzian Markom. *Keberadaan Elemen Khiyar (Pilihan) Dalam Jualan Barangan: Satu Kajian Awal*. <http://www.kuis.edu.my/mfifc2014/eprosiding> (diakses pada 1 November 2016).
- Mohd Fuad Mohd Salleh. 2006. Proses Penyelesaian Konflik Melalui Sulh. <http://psasir.upm.edu.my/> (diakses pada 1 November 2016)
- Raihanah Azhari. 2008. *Sulh dalam Kes kekeluargaan Islam*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor.
- Tuan Drs. Atras Bin Mohamad Zain. 2009. Kertas Kerja bertajuk *Pengalaman Pelaksanaan Majlis Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)* dibentangkan di Muzakarah Pegawai-Pegawai Sulh Seluruh Malaysia Kali Pertama, bertempat di Hotel Royal Penang bertarikh 15-17 Mac 2009.
- Tuan Haji Mohammad bin Abdullah, *Sulh : Perlaksanaan dan Isu*, Kertas Kerja di Bengkel Pemahaman Undang-Undang Prosedur Mal Syariah, pada 14 – 17 Ogos 2001, Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi.

YAA Dato' Syeikh Ghazali Bin Abdul Rahman, *Penyelesaian Kes-Kes Kekeluargaan Islam Melalui Manual Kerja Sulh* di Seminar Keperluan Manual Mengenai Undang-Undang Keluarga Islam pada 3-4 September 2002 di Dewan Besar IKIM.